

25/10/2001

Majlis Aids tidak setuju sekat jualan kondom

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Aids Malaysia (MAM) hari ini membidas keputusan Majlis Belia Selangor (MBS), yang meminta kerajaan menghentikan penjualan kondom secara terbuka bagi membendung kegiatan maksiat di kalangan remaja.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata tindakan menyekat penjualan kondom secara terbuka boleh menghalang usaha mengawal penyebaran HIV/Aids khususnya kepada golongan berisiko tinggi.

"Jika kondom dijadikan barang kawalan, ia akan menyukarkan orang yang hidup dengan HIV/Aids (ODHA) melaksanakan tanggungjawab mereka untuk mencegah penyebaran virus itu.

"Lagipun, statistik menunjukkan peningkatan terhadap wanita yang dijangkiti virus HIV daripada lelaki positif HIV yang tidak memakai kondom.

"Jadi, langkah menghadkan penjualan kondom, secara tidak langsung akan meningkatkan risiko dijangkiti HIV/Aids di kalangan wanita," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Semalam, akhbar melaporkan MBS mencadangkan kepada pihak berkuasa melarang penjualan kondom secara terbuka terutama di pasar raya dan stesen minyak, kerana ia seolah-olah menggalakkan belia melakukan maksiat khususnya melakukan hubungan seks haram.

Presiden MBS, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata MBS meluluskan sebulat suara usul yang dikemukakan perwakilan dari Sabak Bernam pada Perhimpunan Agung MBS ke-20, dan mahu pihak berkuasa melarang penjualan kondom secara terbuka bagi mengelakkan remaja menyalahgunakan alat berkenaan, untuk tujuan berseronok secara tidak bermoral.

Beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sepatutnya menguatkuasakan undang-undang melarang kegiatan mempamer dan menjual kondom secara terbuka di pasar raya, stesen minyak, gerai atau tempat awam kerana ia mendedahkan belia kepada kegiatan tidak sihat.

Marina berkata, tindakan MBS mengaitkan penjualan kondom dengan perbuatan maksiat adalah tidak wajar, kerana tiada bukti kukuh menunjukkan penjualan kondom secara terbuka menggalakkan remaja melakukan seks haram.

Katanya, berdasarkan kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) terhadap 5,000 remaja berumur 13-19 tahun pada 1994, menunjukkan 23 peratus daripada responden mengakui mengadakan hubungan seks.

(END)